

# ILMU DAN NARATIF SAKRAL DALAM MASYARAKAT BAWEAN DI PULAU PINANG

**Shohana Hussin**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Email:[shohana@usm.my](mailto:shohana@usm.my)

## ABSTRAK

Masyarakat Bawean adalah suku bangsa Melayu yang sangat terkenal dengan pelbagai amalan ilmu yang boleh dikaitkan dengan unsur sakral. Naratif kehebatan dan kesakralan beberapa keperibadian tertentu dalam masyarakat tersebut tersebar luas, hingga ciri sakral atau magis pernah dikaitkan sebagai ciri khusus kebudayaan masyarakat tersebut. Namun kandungan ilmu bernilai sakral ini terkandung dan beredar dalam simpanan catatan tulisan tangan atau naskhah peribadi dalam masyarakat tersebut secara eksklusif. Maka makalah ini bertujuan mendokumentasikan naratif sakral dan meneliti ilmu bernilai sakral yang bersifat eksklusif dalam komuniti tersebut agar ia boleh diangkat sebagai kearifan tempatan yang selayaknya dihargai. Kajian ini menggunakan gabungan kaedah dokumentasi, analisis kandungan dan sejarah lisan atau temubual yang akan dijalankan secara terfokus dalam kalangan masyarakat Bawean yang terpilih di Pulau Pinang. Hasil kajian menunjukkan naratif sakral yang diperolehi sememangnya menarik dan segelintir masyarakat Bawean masih lagi kuat beramal dan berpegang dengan ilmu bersifat sakral yang diwarisi dari generasi awal mereka.

Keywords: Ilmu bernilai Sakral, Naratif Sakral, Masyarakat Bawean, Pulau Pinang,

## PENGENALAN

Sebagaimana mitos dan legenda yang terlahir daripada peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku, begitu juga kesakralan sesuatu perkara dapat dikesan daripada sejarah lisan (*oral history*) dan naskhah tulisan tangan yang bersifat peribadi.<sup>1</sup> Kedua-duasumber ini dapat dipandang sebagai dokumen sejarah budaya, keranakedua-duanyaberisi berbagai-bagai data dan maklumat kearifan tempatan yang berkaitan

dengan idea, pemikiran, perasaan dan pengetahuan sejarah serta budaya dari sesuatu bangsa atau sekelompok sosial budaya tertentu.

Secara umum kedua-dua sumber ini apabila dipadukan akan berupaya mengungkapkan peristiwa masa lampau yang lebih jelas dan terperinci berhubung aspek kehidupan sesebuah masyarakat. Hal ini benar, terutamanya dalam hal-hal yang menyentuh keadaan sosial dan budaya, sistem kepercayaan dan agama, pendidikan dan perincian nilai yang seakan terpadam dalam penulisan sejarah mana-mana budaya masyarakat yang pernah wujud kini.<sup>2</sup>


Justeru, kajian ini bertujuan membentangkan sejarah kebudayaan masyarakat Bawean, khususnya dalam tradisi ilmu bernilai sakral<sup>3</sup> mereka melalui kaedah analisis teks dan sejarah lisan. Sakral bermaksud realiti, keabadian dan keberhasilan tindakan yang bersifat rasional dan juga tidak rasional (Mircea Eliade, 2002). Ilmu bernilai sakral yang melingkari masyarakat Bawean yang cukup menarik untuk dibahas adalah hasil amalan ilmu-ilmu yang bersifat kebatinan. Hampir semua catatan doa dan bacaan yang terkandung dalam bentuk naskhah dan juga yang disampaikan secara lisan oleh responden dalam kajian ini menjelaskan tentang kewujudan kekuatan batin atau ilmu bersifat sakral pada individu tertentu dalam kalangan orang alim mereka yang tidak boleh dijelaskan. Hal kesakralan ilmu ini menjadikan ada dalam kalangan masyarakat Bawean sukar melepaskan kebiasaan mereka mengamalkan ilmu tersebut yang dirasakan banyak memberi manfaat kepada mereka.

Namun dari sisi lain, ia juga dikaitkan dengan sejarah latar belakang masyarakat tersebut yang terkenal sebagai masyarakat pengembara dan yang bermigrasi ke seluruh Alam Melayu, dengan tumpuan kepada Negeri-negeri Selat seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang sebelum abad ke-19 lagi. Budaya merantau dengan maksud keluar daripada Pulau Bawean secara belayar atau mengembara kerana mencari kehidupan yang lebih baik dengan jelas ditunjukkan sebagai sebab dan kesan penghijrahan orang Bawean ke alam Melayu (J.Vredendredgt: 1964, 109-137).

## LATAR BELAKANG SEJARAH MASYARAKAT BAWEAN PULAU PINANG

Kewujudan masyarakat Bawean di Pulau Pinang berasal daripada keturunan rumpun Melayu di Pulau Bawean yang terletak di Laut Jawa, Indonesia. Nama masyarakat ini juga disandarkan kepada nama pulau tersebut iaitu Pulau Bawean yang terletak di antara dua pulau besar iaitu Pulau Borneo di utara dan Pulau Jawa di selatan.

Rajah 1: Peta Pulau Bawean



Sumber: Google Map

Pulau Bawean merupakan pulau yang mempunyai keluasan 200km persegi dengan bentuk muka bumi berbukit bukau yang indah. Ibu negerinya ialah Sangkapura. Hasil ekonominya ialah pertanian sara hidup seperti padi, kelapa, lada, cengkih dan tembakau, manakala hasil eksport utamanya ialah sumber laut seperti ikan kering, disamping hasil kraf tangan seperti tikar dan bakul yang diperbuat daripada daun pandan. Perusahaan kecil-kecilan terdapat dimerata-rata tempat di setiap daerah dalam Pulau Bawean (W. Van Hoeve, t.t: 184).

Masyarakat Bawean adalah suku bangsa Melayu yang kehidupan sosial, ekonomi, politik, agama dan cara kehidupannya sama dengan suku bangsa Melayu lain di Nusantara. Perbezaan yang ada hanyalah variasi tempatan (*local variations*), iaitu dari segi adat istiadat, loghat, kepercayaan dan kebudayaan. Oleh kerana persamaan yang banyak ini, masyarakat di Pulau Bawean tidak menganggap daerah-

daerah luar mereka di Alam Melayu sebagai suatu kawasan yang asing kepada mereka. Perpindahan dan penghijrahan keluar masyarakat Bawean ke Tanah Melayu yang berlaku pada abad ke-19 dan ke-20 adalah proses yang lebih menepati maksud dan konsep merantau dalam korpus kefahaman suku-suku bangsa Melayu lain yang pernah dikaji.<sup>4</sup>

Sukar menentukan tarikh yang tepat kedatangan orang Bawean ke Pulau Pinang kerana tidak ada bukti dan dokumentasi sejarah mengenainya. Penghijrahan mereka bukan sahaja tidak dicatatkan, tetapi juga kerana wujud pelbagai pendapat dari pengalaman dan ingatan yang bersifat peribadi (Zainal Abidin Borhan, 1982: 53). Meskipun begitu andaian tempoh penghijrahan dalam skala yang besar ke Pulau Pinang serta tempat-tempat lain di Tanah Melayu boleh dikatakan berlaku pada pertengahan abad ke-19 berdasarkan dua kajian terawal berkaitan kesan migrasi dan kependudukan yang dijalankan oleh dua pengkaji yang merumuskan:

*“The immigration in significant numbers of Baweanese people into Singapore and Malaya is phenomenon of the mid 19<sup>th</sup> century.”* (Mansor Fadzil: 11)

*“Singapore was the main centre for the Bawean settlers. From there they worked their way up the mainland, settling in Penang and Malacca”* (Abdullah Baginda:28)

Ini dikukuhkan dengan data bancian penduduk yang dijalankan di Pulau Pinang yang dipaparkan dalam Jadual 1 yang menunjukkan peningkatan jumlah orang Bawean yang signifikan; daripada 91 orang pada tahun 1891 kepada 307 pada tahun 1901.

Jadual 1  
*Pecahan Bilangan Penduduk Melayu di Pulau Pinang Dari  
Kelompok Kepulauan Melayu 1891 & 1901*

Kelompok	1891	1901
Orang Asli	34	
Orang Aceh	523	378
Boyan	91	307
Bugis	191	6
Dayak	-	8
Jawa	2255	1206
Jawi pekan	8599	7308
Melayu	95031	96664
Filipino	82	17
Sam-sam		106

*Nota.* Dipetik daripada Merewether (1982) dan Innes (1982)<sup>5</sup>

## **PENEMPATAN AWAL MASYARAKAT BAWEAN DI PULAU PINANG**

Sebelum sistem penempatan pondok Bawean diasaskan di Pulau Pinang, orang Bawean tinggal menyewa dirumah-rumah kampung dan sebahagiannya pula tinggal dirumah-rumah yang disediakan oleh majikan mereka. Tumpuan pekerjaan mereka lebih kepada menjadi buruh, pemandu dan juga sebagai penjaga kuda.

Sebelum Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, orang Bawean berulang alik di antara Tanah Melayu dengan Pulau Bawean. Laluan pergi dan balik ketika itu murah dan tidak ada gangguan tentang Pasport dan kad pengenalan. Yang menjadi sekatan perjalanan mereka cuma tambang untuk pergi dan balik sahaja. Mereka yang tinggal di Pulau Pinang turun ke Singapura melalui kereta api, dari sana mereka ke Tanjung Pinang di Indonesia dan menaiki perahu ke Pulau Bawean.

Penghijrahan orang Bawean ke Tanah Melayu bukanlah bertujuan untuk mencari pekerjaan di sini. Mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah mereka yang berkemampuan. Mereka mempunyai sawah, ladang, kebun dan rumah di kampung mereka di Bawean. Mereka tinggalkan kampung halaman kerana didorong oleh sebab-sebab tertentu, bukan semata-mata untuk mencari kerja. Antara sebab-sebab mereka berhijrah adalah untuk mencari kaum keluarga dan sanak saudara yang telah meninggalkan Bawean sebelum mereka, untuk melihat negeri orang, lari daripada sesuatu kejadian di Bawean, mencari pengalaman hidup di negeri orang dan adat orang lelaki merantau.

Penghijrahan orang Bawean berulang alik itu terhenti selepas Perang Dunia Kedua apabila kerajaan mengadakan sekatan pasport untuk keluar dan masuk dari Indonesia ke Tanah Melayu. Pada ketika itu, orang Bawean terpaksa mengambil surat kerakyatan untuk menjadi warga negara Tanah Melayu. Sejak itulah mereka terikat dengan kehidupan di Tanah Melayu. Barulah mereka terpaksa bekerja untuk mencari sumber kehidupan di negara baharu mereka.

Kelompok orang Bawean ini hendaklah dibezakan daripada orang Bawean baharu yang datang khusus untuk bekerja sebagai buruh swasta. Kumpulan ini diberi gelaran sebagai "orang parao" (orang perahu). Ada antara mereka yang datang secara sah dan ada yang secara tidak sah melalui perahu. Tujuan mereka untuk mencari pekerjaan di Malaysia. Keadaan ini merupakan fenomena baharu kedatangan orang Bawean ke Malaysia. Mereka tidak termasuk dalam kajian ini.

Di Pulau Pinang kegiatan sekumpulan orang Bawean tertumpu di Batu Gantung, tempat mereka bekerja sebagai penjaga kuda lumba. Hal ini kerana semasa di Bawean dahulu, orang Bawean banyak pengalaman menjaga kuda dan memburu haiwan seperti rusa dan kancil, memelihara lembu kerbau dan haiwan-haiwan lain. Oleh kerana itu mereka menawarkan kemahiran menjaga kuda. Tambahan lagi sebelum kedatangan kereta (motokar) ke Pulau Pinang, kenderaan utama yang digunakan oleh tauke Cina yang kaya adalah kereta kuda. Oleh itu, orang Bawean ketika itu menjadi pemandu kereta kuda. Setelah kemasukan kereta berjin ke Pulau Pinang orang Bawean pun langsung bekerja sebagai pemandu kereta kepada tauke-tauke Cina seperti Tauke Yeap Chor Ee, Tauke Khoo Sian Ewe, Lim Lean Teng dan beberapa orang lagi. Maksudnya, mereka telah memindahkan kemahiran mereka daripada pemandu kereta kuda menjadi pemandu kereta motor. Asalnya, mereka bekerja sebagai pemandu kereta kuda dan menjaga kuda, kemahiran yang mereka warisi dari nenek moyang mereka di Pulau Bawean.

Apabila pondok mula diasaskan sekitar tahun 1920-an atau lebih awal lagi, penempatan awal orang Bawean mula tertumpu kepada beberapa buah pondok Bawean utama. Nama pondok-pondok ini diberikan bersempena nama desa asal mereka di Pulau Bawean. Hal ini kerana masyarakat Bawean yang berhijrah keluar dikenali sangat tebal perasaan kedaerahan mereka (Abdullah Baginda: 28). Pondok-pondok yang dimaksudkan di Pulau Pinang terdiri daripada yang berikut:

1. Pondok Sumberlanas Tua terletak di Jalan Burma
2. Pondok Sumberlanas Muda terletak di Jalan Pahang.
3. Pondok Pekalongan terletak di Lorong Selamat
4. Pondok Bakong terletak di Lebu Melaka
5. Pondok Gelam di Jalan Perak.
6. Batu Gantung (tidak ada pondok khas)

Konsep pondok dalam penempatan masyarakat Bawean ialah rumah yang dibeli atau disewa dan didiami secara bersama-sama. Pemilikan hak bersama keatas sesebuah rumah telah diikat dengan pertalian darah, saudara mara mahupun asal perkampungan atau desa mereka di Pulau Bawean. Dalam pondok ini bilik-bilik kecil dibuat yang dipisahkan oleh tabir kain atau papan yang boleh diubah suai apabila diperlukan.

Setiap keluarga (suami isteri) akan diberikan satu bilik. Biasanya wanita yang belum berkahwin akan tidur di dalam bilik, manakala kaum lelaki bebas tidur dianjung atau kawasan-kawasan lapang yang ada (Sardi Bin Sharif, 1966).

Ketua yang penting dalam kehidupan masyarakat Bawean di pondok ialah Lurah dan Kiyai. Lurah atau lebih dikenali sebagai penghulu mempunyai tanggungjawab memastikan keselesaan penghuni di pondok. Beliau juga akan dipertanggungjawabkan mengurus aktiviti gotong royong, menjadi ketua dalam majlis perkahwinan dan adakalanya sebagai orang tengah berhubungkait dengan masyarakat lain. Lazimnya pemilihan Lurah adalah berdasarkan kebolehan, pengalaman, keturunan, seniority, dan pengetahuan dalam agama. Disamping Lurah, Kiyai juga memainkan peranan penting dalam sesuatu pondok. Kiyai boleh terdiri daripada kaum lelaki yang berpengetahuan dalam urusan agama Islam dan juga soal-soal kemasyarakatan. Kebanyakan peranan yang dimainkan oleh Kiyai adalah berkaitan hal-ehwal agama. Kiyai sangat dihormati dalam masyarakat Bawean kerana beliau berperanan sebagai imam dalam sembahyang, mengajar ilmu agama, mengurus kematian dan menjadi pakar rujuk dalam hal keduniaan atau akhirat. Oleh kerana ketinggian dan kehebatan ilmu seseorang Kiyai, golongan ini sering dikaitkan dengan cerita-cerita berunsur sakral atau karamah.

Konsep rumah pondok ini masih popular walaupun selepas Perang Dunia Pertama. Peningkatan taraf hidup generasi ketiga dan keempat dalam masyarakat tersebut yang sudah mampu membeli rumah sendiri dengan ikatan sosial dan proses asimilasi dengan penduduk Melayu tempatan telah menyebabkan masyarakat pondok Bawean kian berpecah yang tinggal dipondok-pondok tersebut. Namun tempat tinggal orang Bawean di Pulau Pinang rata-ratanya masih tertumpu di kawasan bandar dan kawasan berhampiran bandar seperti Georgetown, Bayan Baru, Batu Gantung dan Gelugor.

## **SOROTAN KAJIAN**

Berbanding kelompok Melayu lain seperti Aceh, Bugis dan Jawa, kajian berkaitan masyarakat Bawean kurang mendapat perhatian pengkaji sejarah, budaya dan ketamadunan bangsa. Hasil kajian bukan sahaja sangat langka, bahkan tiada lagi yang memfokuskan nilai sakral yang terdapat dalam budaya kelompok tersebut di Pulau Pinang. Terdapat satu kajian anthropology pernah dijalankan oleh Mariam Mohamed

Ali (1996), yang menganalisis kehidupan masyarakat Bawean sebagai kes kajian dalam peranan mereka sebagai buruh imigran dalam konteks etnik hinterland (etnik pedalaman). Bagaimana suku kaum ini bertarung dalam konteks sosio budaya dan ekonomi bagi meneruskan survival mereka dijelaskan dengan terperinci dengan membentangkan pola-pola perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Manakala dari aspek sejarah budaya sebelumnya, Zainal Abidin Borhan (1982) lebih memfokuskan aspek sudut pandang sejarah populasi dan penempatan masyarakat tersebut khususnya di negeri Melaka.

Perbincangan sarjana berhubung sakral sebagai satu subjek kajian dalam dunia akademik memang luas. Perkara ini telah menarik perhatian para sejarawan agama, sejarawan politik dan sosial, sarjana di bidang antropologi, sosiologi, psikologi, ketamadunan dan juga falsafah. Persoalan sakral dibahaskan menurut sudut pandang disiplin yang berbeza dan bersifat pelbagai ini berlarutan sehingga membawa usaha desakralisasi<sup>6</sup> atau pengingkaran terhadap adanya sesuatu yang sakral dalam masyarakat moden di Barat (Mircea, 2002: 212-213).

Kajian terdahulu berkaitan ilmu bernilai sakral dalam masyarakat Bawean belum pernah ditemui. Secara umum perbincangan para sarjana berkaitan isu kesakralan sesuatu ilmu lebih kepada polemik menolak dan menerima ilmu tersebut sebagai mencapai tahap pengetahuan yang benar (*knowledge*). Antaranya hasil kajian James Danandjaja (1994:153-154) menerangkan tentang anggapan golongan berpendidikan Barat terhadap ilmu bernilai sakral sebagai tahayul. Namun beliau membantah anggapan tersebut dengan menyertakan fakta bahawa tidak ada orang yang bagaimanapun modennya, dapat bebas dari tahayul, baik dalam hal kepercayaan mahupun dalam hal kelakuannya. Misalnya kepercayaan terhadap suara katak sebagai petanda hujan masih kekal dalam kalangan masyarakat Amerika Syarikat. Begitu juga dengan kepercayaan orang Sunda apabila mereka memandikan kucing, maka akan segeraturun hujan.

## NARATIF SAKRAL

Seorang sarjana Belanda Vredenberg merumuskan bahawa hendak mengetahui budaya orang-orang Bawean mesti dilihat dari tiga aspek yang penting, iaitu (1) *The inclination to migrate (merantau) which may be called a cultural ideal*. (2) *Islam as the religion of the Bawean and their frame of reference par excellence* dan (3) *Magic*



(J.Vredembregt: 1964,109). Maka merujuk kepada *Magik* sebagai ciri terakhir yang menyangkut langsung dengan aspek kepercayaan dan amalan bernilai sakral yang dimanifestasikan melalui ilmu batin atau ghaibakan diuraikan dalam kajian ini.

Oleh kerana bahan bertulis untuk persoalan kajian ini sangat terhad, maka kajian ini akan menggunakan bahan lisan secara temubual untuk memperoleh maklumat yang lengkap tentang naratif sakral dalam budaya masyarakat Bawean khususnya yang menempati wilayah Pulau Pinang. Sebagaimana pernah ditegaskan oleh Khoo Kay Kim bahawa ‘...beberapa aspek sejarah kita (yang) tidak didokumenkan. Maka (sewajarnya) kita perlu bergantung kepada bahan-bahan lisan.’ (Khoo Kay Kim, 1972: 104). Namun begitu kajian ini juga tetap merujuk rekod catatan dalam naskhah tulisan tangan yang berjaya diperoleh dari waris yang terlibat.

Responden<sup>7</sup> yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar terlibat dan menyaksikan kejadian yang berlaku. Dengan itu segala maklumat yang diberikan oleh mereka merupakan fakta sejarah yang benar. Disamping itu pengkaji juga terpaksa menggunakan responden dari waris mereka yang terdiri daripada generasi kedua dan ketiga bagi melengkapkan dan mengabsahkan cerita yang disampaikan kerana pemilik catatan yang sebenar telah pun meninggal dunia. Tambahan pula ‘sejarah lisan ialah satu cara menambahkan ... rekod-rekod bertulis’ (Mohd Amin Hassan, 1975:167-169)

Berbagai cerita atau naratif sakral telah berjaya dirakamkan dalam kajian ini. Namun untuk tujuan makalah ini hanya 4 kisah dipilih bagi mewakili kategori yang tersendiri, disamping bertujuan menghormati keizinan responden berkongsi pengalaman mereka. Kebanyakan kisah sakral yang disampaikan adalah berhubung kehebatan kesan amalan ilmu batin yang didakwa menjadi bahan bualan dalam masyarakat mereka sejak turun temurun. Kisah pertama dan kedua berkaitan kehebatan golongan pemimpin agama masyarakat tersebut yang lebih dikenali sebagai *kiayi* yang didakwa mempunyai kebolehan dan kehebatan ilmu yang tidak boleh dijelaskan secara logik. Manakala kisah ketiga adalah tentang kekuatan luar biasa seorang pendekar yang mahir dalam Pukulan iaitu satu seni silat mempertahankan diri yang terkenal dalam kalangan orang Bawean. Akhirnya kisah keempat adalah satu bentuk ilmu bernilai sakral yang belum pernah didedahkan oleh masyarakat Bawean tersebut kepada orang luar.

## 1. Kiyai Sahar (Bukan nama sebenar)

Kiyai Sahar bermastautin di Singapura pada sekitar tahun 50-an dan 60-an. Beliau sering datang ke Pulau Pinang kerana menziarahi saudara sepupunya di Pulau Pinang. Salah seorang responden (Responden 1), anak sepupunya pernah tinggal dengannya di Singapura selama beberapa tahun. Kiyai ini mengajar muridnya yang terdiri daripada orang dewasa, pada waktu malam; kadang-kadang sehingga menjelang pagi. Responden 1 menceritakan bahawa beliau menjadi tukang bancuh kopi untuk anak-anak murid kiyai yang datang belajar. Sambil-sambil itu dia juga turut mengikuti pengajaran yang disampaikan oleh kiyai Sahar.

Pada satu ketika berlaku rusuhan di Singapura. Kiyai turut sama tunjuk perasaan. Sampai satu ketika kiyai mengatakan kepada Responden 1 dalam bahasa Bawean, "Kalau aku tumbuk bas ini pergaduhan akan timbul antara orang Cina dan Melayu." Lepas itu Kiyai pun menumbuk bas dan betul terjadi pergaduhan yang dikatakannya. Ekoran kejadian tersebut beliau dikehendaki oleh pihak polis. Pada satu petang, beliau sedang makan bersama-sama responden di rumahnya, sebuah trak polis datang mencarinya. Mereka melalui tempat kiyai makan itu dan terus mencarinya. Kiyai pun berbisik kepada responden, "Biarkan saja, mereka tak nampak kita." Polis pun bertanya orang sekeliling, "Mana itu Haji?" Orang ramai mengatakan mereka tidak tahu, dan akhirnya polis pun beredar, tanpa menyedari kiyai sedang makan di rumahnya bersama-sama responden.

## 2. Kiyai Naza (Bukan nama sebenar)

Kiyai Naza tinggal di pondok Sumberlanas tua. Orangnyanya agak keras terhadap orang yang bermain-main dengan solat. Sesiapa yang bangun lewat untuk solat subuh digelarnya "Hindu baru". Kadang-kadang orang yang tidur tidak bangun untuk solat subuh disepakinya dengan kaki. Kiyai ini sangat alim orangnyanya dan banyak ilmu batinnya. Mengikut cerita kiyai-kiyai lain yang mengenalinya di Bawean, dia mempunyai satu ilmu istimewa yang sangat bahaya. Katanya dia mahu, dia boleh membunuh orang dengan menumbuk bumi. Oleh itu, banyak antara rakan-rakan kiyainya yang memujuknya supaya jangan mengamalkan ilmu tersebut dan membuangnya.

Responden 1 dan Responden 3 menceritakan bahawa satu hari dia ingin menguji ilmu kebal yang diturunkan kepada anak remaja lelakinya. Kiyai menyuruh anaknya menghafal beberapa ayat setiap kali selepas solat. Setelah lebih kurang dua minggu kiyai mengambil sebilah parang tajam. Sambil duduk bersila dia sembunyikan parang tersebut di atas ribanya dan ditutupnyadengan bantal supaya anaknya tidak nampak parang tersebut. Dia pun memanggil anaknya dan pura-pura bertanya sama ada sudah menghafal ayat-ayat disuruhnya menghafal. Setelah itu disuruh anaknya membaca ayat-ayat itu di hadapannya. Setelah kiyai puas hati anaknya telah membaca dengan betul, lantas dicapai parang yang disembunyikannya tadi dan menetak anaknya dengan parang tersebut. Anaknya pun terkejut dan lari lintang pukang kerana takut. Peristiwa tersebut di ceritakan sendiri oleh kiyai kepada Responden 3 yang berjumpanya untuk mengambil buku tulisan tangannya tentang ilmu-ilmu batin yang ingin diperturunkan kepada Responden 3. Kiyai mengatakan bahawa dia terlalu yakin dengan ilmunya sehingga sanggup menetak anak dengan parang. Jika gagal ilmu itu, makan yang jadi mangsa ialah anaknya sendiri. Kiyai mensyaratkan supaya responden jangan meninggalkan solat dan mengamalkan ilmu yang diberinya ikhlas kerana Allah SWT. Maksiat hendaklah dijauhi. Katanya, walaupun tidak mendapat dalam hal dunia,

mengamalkan ilmunya akan diberi pahala oleh Allah SWT, kerana ilmunya semua berasaskan ayat-ayat al-Quran. Oleh membacanya sahaja cukup untuk mendapat pahala.

Kiayi juga mempunyai ilmu pagar rumah menggunakan paku. Hal terbukti ketika rusuhan 13 Mei, kiayi telah memagar Pondok Sumber Lanas dengan menggunakan paku sehingga pondok tersebut tidak dicerobohi musuh dan polis. Ketika hampir kepada kematiannya, kiayi telah menuliskan ilmu-ilmunya ke dalam naskhah tulisan dan disebarikan kepada pemuda-pemuda Sumberlanas.

Dalam satu peristiwa lagi yang umum diketahui oleh remaja-remaja Sumberlanas ialah ketika seorang pemuda Sumberlanas berlawan tinju melawan juara tinju amatir *welterweight* Pulau Pinang ketika itu. Sebelum turun ke gelanggang dia telah berjumpa kiayi untuk membuat sesuatu untuk menewaskan lawannya yang jauh lebih besar dan berpengalaman. Kiayi pun berdiri di belakangnya dan membaca sesuatu dan meniupnya dari belakang, kiri dan kanan, dan berpesan kepadanya jangan berpaling ke belakang ketika menuju ke gelanggang tinju. Setelah bertarung tiga pusingan dia telah berjaya menumbangkan juara tersebut.

Pernah juga orang menceritakan bahawa satu kiayi berjalan dengan dua orang lagi menuju ke satu tempat, tiba-tiba hujan turun dan kiayi terus saja berjalan tanpa payung, kedua-dua yang bersama-samanya kehairanan kerana dia tidak basah walaupun ditimpa hujan, sedangkan dia tidak berpayung. Oleh kerana itu, mereka semakin menghormati dan yakin dengan kehebatan kiayi.

Dalam satu lagi kisah, ada orang Bawean dari pondok lain yang mempersendakankebolehan kiayi menyebabkan kiayi merasa terhina. Kebetulan kiayi sedang memegang sesatu yang diperbuat daripada besi. Kerana terlalu menahan kemarahannya, kiayi membuat sesuatu sehingga besi di tangannya itu menjadi lembut. Melihat kejadian itu, orang itu pun meminta maaf kepada kiayi, lantas memohon untuk belajar agama dengan kiayi. Kemudian ketika mengaji dengan kiayi ada seorang akan ditugaskan untuk mengipas kiayi yang sedang mengajar mereka.

### 3. Tok Bana (Bukan nama sebenar)

Tok Bana bekerja sebagai pemandu kereta dan tinggal di rumah yang disediakan taukenya. Dia bukan kiayi, tapi pendekar "pukulan". Pukulan ialah ilmu mempertahankan diri orang Bawean seperti silat dan kuntau. Orangnyanya kecil sahaja, tetapi dia mempunyai keistimewaan boleh mengangkat batang kelapa yang panjang seorang diri tanpa bantuan orang lain. Lazimnya, batang kelapa sepanjang itu memerlukan sekurang-kurangnya tiga orang untuk mengangkatnya. Hal ini diceritakan oleh Responden 1, yang mempunyai pertalian keluarga dengannya; Responden 1 melihat sendiri kejadian tersebut.

### 4. Ilmu Pelangkaan

Pada zaman dahulu, orang Bawean menggunakan ilmu "pelangkaan" apabila hendak membuat sesuatu perkara. Ilmu ini tidak ramai orang Bawean yang mengetahuinya. Di Bawean dulu mereka sering terlibat dalam perlawanan pencak silat dan macam-macam pertandingan sukan dan sebagainya. Orang yang mengetahui akan ilmu pelangkaan ini akan dapat menggunakannya untuk mengetahui kelemahan keadaan musuh atau lawan mereka.

Orang yang arif tentang ilmu pelangkaan ini ialah datuk kepada Responden 3. Ilmu ini menggunakan kiasan-kiasan tertentu yang boleh mengetahui kelemahan pihak lawan dalam pertandingan (dulunya dalam pertandingan pencak silat). Mengikut fahaman ilmu ini, biasanya kuat atau lemah seseorang dipengaruhi oleh kedudukan bulan. Jika diketahui tarikh hari pertandingan akan diadakan mengikut bulan Melayu maka akan diketahui sama ada pihak kita atau pihak lawan yang lebih kuat dari segi kedudukan. Misalnya, pada sekian hari bulan mengikut pelangkaan, orang "luar" akan lebih kuat daripada orang "dalam". Implikasinya, siapa yang masuk dahulu ke dalam gelanggang, maka dia akan dikira orang dalam dan lawannya akan dikira orang luar. Mengikut ilmu pelangkaan tersebut pihak lawan akan menjadi lebih kuat dan lebih bermotivasi daripada pihak yang masuk dahulu ke dalam gelanggang. Oleh itu, pengamal ilmu ini akan menunggu biar pihak lawan masuk dahulu ke dalam gelanggang, baru dia memasuki gelanggang.

Selain itu ada pula perkiraan tentang cara untuk memasuki gelanggang dari arah mana. Pada hari-hari tertentu umpamanya, pihak yang masuk dari arah timur gelanggang akan menjadi lemah berbanding dengan lawan yang memasuki gelanggang dari arah barat. Oleh itu, jika kita hendak di lihat lebih kuat, kita kena memilih kawasan yang menghadap ke timur seolah-olah kita masuk dari arah barat. Ilmu ini tidak banyak yang mengetahuinya. Responden 3 mengatakan bahawa dia tidak sempat mempelajari ilmu pelangkaan ini kerana datuknya telah tua dan telah lupa tentang ilmu tersebut kerana ilmu tersebut tidak pernah ditulis; lagipun ilmu tersebut dibawa turun-temurun secara lisan. Apa pun, ilmu pelangkaan itu tidak menentukan siapa menang dan siapa kalah. Semuanya bergantung kepada kemahiran orang yang terlibat. Hal-hal seperti ini hanya bermain dalam psikologi antara kita dengan pihak lawan kita. Kadang-kadang kekuatan psikologi boleh memainkan peranan penting dalam sesuatu pertandingan.

Merujuk kepada semua kisah berunsur sakral yang disampaikan oleh semua responden dalam kajian ini menunjukkan unsur sakral atau magis memang jelas berlaku dalam pengalaman hidup mereka. Kisah dan kejadian tersebut disaksikan sendiri oleh responden terlibat dan dapat disahkan pula melalui rakan dan kaum keluarga terdekat mereka. Naratif sakral ini dipercayai berpunca dari bacaan doa dan amalan serta pantang larang yang diamalkan oleh individu berkaitan. Hasil pengalaman responden 1 yang masih mengamalkan bacaan-bacaan tertentu sehingga ke hari ini mengakui pernah menggunakan pilihan ilmu tersebut untuk menggagalkan pertunjukan silap mata yang ditonton oleh ramai penduduk setempat yang pernah diadakan di Pulau Pinang. Tujuan beliau mengenakan ilmu tersebut kerana ahli silap mata tersebut dikatakan sangat angkuh dengan ilmu hitam atau 'black magic' yang dipertontonkan kepada orang ramai.

## ANALISIS ILMU BERNILAI SAKRAL DALAM NASKAH

Umumnya, pembahagian ilmu bernilai sakral dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan tujuan ilmu itu digunakan, iaitu ilmu hitam (black magic) yang digunakan untuk tujuan kejahatan dan ilmu putih (white magic) digunakan untuk kebaikan. Wujud pembahagian ilmu ini sebenarnya tidak jelas kerana sukar membezakan secara nyata di antara keduanya. Kemungkinan sering terjadi penyimpangan tujuan dari ilmu putih ke ilmu hitam kerana ia sangat terikat kepada siapa dan bagaimana akibat yang ditimbulkan oleh ilmu tersebut.

Walau bagaimanapun penelitian pada catatan tangan pada naskah ilmu bernilai sakral yang diperolehi dari masyarakat Bawean tersebut secara umum menyatakan tujuan amalan ayat yang diamalkan adalah “(untuk mendapat) fadilat di dunia dan akhirat”. Manakala penelitian pada setiap 18 bacaan ayat pada naskah tersebut pula mendedahkan tujuan setiap amalan tersebut adalah mencapai beberapa tujuan tertentu, sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 2 berikut.

*Jadual 2*  
*Klasifikasi Tujuan Amalan Bacaan*

<b>Tujuan</b>	<b>Bilangan</b>
Sebagai azimat dan tangkal keselamatan	1,2
Agar kuat, perkasa dan kebal	3,6,8,9
Agar selamat diri, perjalanan dan terhindar maksiat	4,5,7,12
Agar menjadi berani	6,17
Menjadi pengadang dari musuh (pagar diri)	10, 15
Membangkitkan rasa gerun di pihak musuh	11,16
Tepat sasaran senjata	14
Agar tidak dapat dilihat (ghaib) ketika dikepung oleh musuh	13,18
Jumlah	18

*Sumber: Naskah Tulisan Tangan Guru Responden 3*

Berdasarkan klasifikasi ilmu bernilai sakral yang ditunjukkan dalam Jadual 2 menunjukkan hampir keseluruhannya adalah bertujuan baik. Jelas tercatat pada naskah tulisan tangan yang diperolehi menyatakan bahawa segala bacaan yang diamalkan itu adalah untuk tujuan pertahanan diri dari serangan musuh yang diwajahkan sebagai ‘orang kafir’ yang seolahnya ilmu ini hanya dibolehkan

digunakan ketika peperangan bersifat jihad berlaku. Hal ini mungkin ada benarnya jika disemak pada penceritaan lisan yang disampaikan oleh responden tentang keanehan kisah-kisah yang berlaku kepada dua orang kiyai mereka ketika tercetusnya pergaduhan antara kaum Melayu dan kaum Cina semasa tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Rahsia kesakralan yang terdapat pada ilmu sebegini pada penelitian pengkaji adalah tergantung kepada usaha menekuni bacaan ayat dan doa tersebut yang dituntut membacanya 'sebanyak-banyak mungkin' sehingga timbul keyakinan adanya kuasa batin yang terhasil diluar kemampuan manusia. Catatan akhir pada setiap bacaan pada naskah juga jelas mengingatkan bahawa pengamal adalah manusia yang tidak mempunyai kuasa apa-apa, selain bersandar sepenuhnya kepada kekuasaan Allah SWT dengan ungkapan yang berulang-ulang sebagai "insyaAllah dapat selamat dengan khudrat Allah Ta'ala adanya'. Natiujahnya meskipun gagal mencapai tujuan, pengamal menyedari bahawa keberhasilan amalan berpangkal dari kehendak Allah SWT dan mereka akan berusaha beramal secara lebih bersungguh lagi kerana percaya kekurangan persiapan kejiwaan dan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT jugalah yang menjadi tujuan sesuatu amalan bacaan tidak berhasil.

Berkaitan syarat-syarat dan pantang larang yang harus diperhatikan bagi menjayakan ilmu sebegini ialah keikhlasan beramal dan tidak meninggalkan solat fardhu. Tuntutan beramal bacaan-bacaan tersebut disyaratkan juga selepas solat fardhu terutamanya selepas solat maghrib. Jumlah bacaan ada yang dihadkan sehingga 100 kali dan ada juga yang tidak dihadkan pada kebanyakan ayat. Meskipun begitu terdapat juga bacaan tertentu yang perlu diamalkan dalam jumlah yang ganjil seperti 3, 5, 7 dan 9. Justifikasi kepada kesemua syarat-syarat tersebut tidak dijelaskan dalam naskah tetapi hal ini dijelaskan oleh ketiga-tiga responden sebagai disiplin diri menjadi muslim yang baik yang cuba diterapkan oleh guru atau kiyai mereka ketika di pondok dahulu.

Apabila penelitian ayat dan bacaan tersebut dilakukan secara tekstual, ternyata 1/4 daripadanya adalah merupakan petikan ayat al-Quran manakala selebihnya adalah potongan ayat al-Quran yang digabungkan dengan bacaan doa dalam Bahasa Arab yang tidak diterjemahkan dan tidak diketahui asal usulnya. Antara penggunaan ayat al-Quran sepenuhnya ialah pada bilangan 13 yang dibaca dengan tujuan agar tidak

dapat dilihat oleh musuh adalah ambilan sepenuhnya ayat 103, Surah al-An'am. Begitu juga pada bilangan 18 yang digunakan sebagai ilmu mengenakan senjata pada sasaran adalah ambilan daripada ayat al-Quran, iaitu ayat 17, Surah al-Anfal.

Sebaliknya bagi amalan mencapai tujuan kuat, berani dan kebal, potongan ayat al-Quran tertentu disambungkan dengan bacaan doa berbahasa Arab. Bacaan dalam bentuk ini ini antaranya ialah ambilan permulaan surah Maryam yang dimulai dengan huruf hijaiyah seperti khaf, ha, ya, ain, sad disambungkan dengan doa-doa tertentu dalam jumlah tertentu pula. Terdapat juga bacaan berbentuk seruan yang dikaitkan dengan nama-nama Malaikat, Nabi-nabi dan juga nama-nama Allah SWT. Hal ini menurut responden adalah satu bentuk penghormatan atau kini diistilahkan sebagai amalan '*tawassul*' bagi mendapat keberkatan.

Mengamati kekuatan sakral yang terkandung teks naskah tersebut dan kesannya terhadap pegangan agama dalam budaya kehidupan masyarakat Bawean, ada benarnya juga pandangan yang pernah diutarakan oleh Mircea Eliade (2002) bahawa semua perbuatan bernilai sakral yang penting, pasti melibatkan ritual, mantra, keadaan pelaku dan faktor keyakinan. Unsur keyakinan mengikat setiap amalan bernilai sakral dan menjadi penentu keberhasilan sesuatu amalan.

Tentu menarik untuk mengaitkan hal ini dengan kekuatan jati diri dan survival suku bangsa Bawean dalam pertarungan mereka sebagai pendatang bagi mendapatkan ruang bersosial dan berekonomi di Pulau Pinang. Ini kerana keyakinan terhadap sesuatu ilmu atau mantra bukan sahaja terhenti pada peringkat pembentukan kekuatan diri berbentuk fizikal tetapi jiwanya juga dibangunkan secara konsisten demi mencapai matlamat yang diharapkan.

## KESIMPULAN

Huraian dalam makalah ini menjelaskan bahawa naratif sakral beserta ilmu bernilai sakral yang wujud dalam komuniti Bawean di Pulau Pinang mempunyai kesignifikan yang besar dalam mencorak ikatan sosio budaya masyarakat tersebut. Kebanyakan naratif sakral yang disampaikan oleh responden adalah melibatkan golongan Kiyai yang diyakini mempunyai pegangan agama yang kuat. Maka kehebatan mereka bolehlah dianggap sebagai satu bentuk '*karamah*' dalam konteks

kesakralan Islam. Namun terdapat juga individu-individu biasa tertentudari kalangan orang Bawean yang menekuni beberapa amalan dan bacaan tertentu mendapat kelebihan yang sama. Bukti yang ada menjelaskan nilai kesakralan seseorang tidaklah bergantung kepada status mereka tetapi sebagai kiyai atau alim ulama untuk mendapat kelebihan dan kekuatan bernilai sakral. Akan tetapi 'fadhilat' atau nilai sakral yang terdapat pada bacaan dan doa yang ditekuni secara bersungguh itulah yang menjayakannya, disamping dengan izin Allah SWT jua. Dengan itu nilai sakral dalam ilmu sebegini dianggap tidak boleh didedahkan atau diberikan kepada sesiapa secara sewenangan kerana wujud kebimbangan ia mungkin akan disalahgunakan untuk tujuan yang tidak baik. Amalan tanpa bimbingan guru yang benar juga dibimbangi mampu menyelewengkan akidah Islam yang juga menjadi tunjang asas kekuatan masyarakat ini.

---

<sup>1</sup>Naskhah tulisan tangan bersifat peribadi sebegini masih banyak yang tersebar dalam masyarakat Bawean, namun kerana wujud kepercayaan kesakralan ilmu yang terkandung dalam naskhah-naskhah ini apabila diamalkan menjadikan kebanyakan naskhah kekal menjadi koleksi perseorangan tanpa dapat dilihat lagi.

<sup>2</sup>Pengumpulan dua naskhah yang diperoleh oleh pengkaji juga mengalami kesulitan kerana para pemilik naskhah enggan menyerahkannya kepada pengkaji. Kebanyakan mereka menganggap naskhah sebagai barang sakral, dan hanya orang-orang tertentu yang berhak membacanya. Justeru bagi melengkapkan hasil kajian, pendekatan sejarah lisan melalui temubual digunakan bagi menjayakan kelestarian naratif sakral yang menjadi elemen kebudayaan bangsa Bawean yang berharga ini.

<sup>3</sup>Bernilai Sakral bermaksud sifat suci dan istimewa berkaitan sesuatu yang boleh berupa benda, tindakan, upacara atau ritual. Unsur sakral lazimnya dikaitkan dengan magis yang menyentuh jiwa dan semangat. (Kamus Dewan, 1992:1379)

<sup>4</sup>Penjelasan 'merantau' sebagai sebab perpindahan suku bangsa lain seperti Bugis, Minangkabau dan Jawa ke Tanah Melayu boleh dilihat dalam kajian Mokhtar Naim (1971), H. De Leeuw (1931) dan Khazin Mohd Tamrin (1984).

<sup>5</sup>Dipetik daripada Mahani Musa (2016), "Sejarah Sosial Masyarakat Melayu Pulau Pinang Sebelum Perang Dunia Kedua" dalam *Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. h. 17

<sup>6</sup>Desakralisasi ialah proses manusia menghilangkan atau mengosongkan diri mereka dari persoalan bernilai sakral, kepercayaan agama yang bersifat transenden dan tahyul yang diwarisi secara leluhur. (Mircea Eliade: 2002, 213).

<sup>7</sup> Respondan yang dipilih adalah terdiri dari 3 orang Bawean yang berasal dari ibu dan bapa yang terlibat dalam penghijrahan dari Pulau Bawean. Mereka juga merupakan bekas penuntut kepada ilmu bersifat sakral dan memiliki naskah yang diwariskan oleh kiyai dan guru mereka. Ketiga mereka juga merupakan saksi langsung kepada naratif dan penceritaan tentang kejadian-kejadian sakral yang pernah berlaku dalam sejarah masyarakat Bawean di Pulau Pinang dan Singapura.



---

## RUJUKAN

- Abdullah Baginda, (t.t), "Our Baweanese People", Dalam Intisari, Vol. 2, No. 4. Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Singapore.
- Ali Mufrodi (1987), "Sejarah Masuknya Islam Di Pulau Bawean" (Tesis, Fakulti Adab, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya).
- Danandjaja, James. (1994) Folklore Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng, dan Lain-lain. Jakarta: Grafiti.
- Drajat Tri Kartono (2004), Orang Boyan: Perubahan Lokal Dalam Transformasi Global. Surakarta: Pustaka Cakra Surakarta.
- H. De Leuw (1931), Crossroad of the Java Sea, New York: Garden City Publishing.
- J. Vredendredgt, (1964), 'Bawean Migration: Some Preliminary Notes', Bijdragen tot de Taal, Land-en Volkenkunde, Deel 120.
- Kamus Dewan (1992) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kazin Mohd Tamrin (1984), Orang Jawa di Selangor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K. H. R. Abdurrahman (1985), Sekilas Lintas Pulau Bawean. Bawean : Yayasan Pendidikan Islam Umar Mas'ud.
- Khoo Kay Kim (1971), "Sejarah Tempatan", dlm Penyelidik, Jil. 1, Bil. 1, Oktober 1972.
- Otto, R. (1929), The Idea of the Holy, London.
- Muhamd Haji Salleh dan Mahani Musa (ed.), (2016), Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mansor Fadzil, "My Baweanese People", Intisari vol. 2, no. 4, Malaysian Sociological Research Institute (MSRI).
- Mariam Mohamed Ali (1996), "Ethnic Hinterland: Contested Spaces Between Nations And Ethnicities In The Lives Of Baweanese Labor Migrants" (Thesis, The Department Of Antropology Harvard University Cambridge).
- Mohd Taib Osman (1987), "Unsur-unsur Islam Popular Dalam Kepercayaan Orang Melayu", dalam Mohd. Taib Osman & Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (eds.), Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Naim (1971), Merantau : Cause and Effect of Minangkabau Voluntary Migration, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

---

Mircea Eliade (2002), *Sakral dan Profan*, Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.

Mustafa Bakrum (2003), "Pendidikan Di Pulau Bawean Sebuah Perbincangan Tentang Guru Dan Sekolah", dalam Abdul Latif Hs et al. (ed), *Mencipta Bawean Antologi Gagasan Orang-orang Boyan*. Gresik: Boyan Publishing.

Sardi Bin Sharif (1966), "Pondok-pondok Dan Peranannya Kepada Masyarakat Bawean Di Singapure" (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya).

W. Van Hoeve, (t.t.), *Ensiklopedia Indonesia (A-E)*, N.V. Penerbit Bandung.

Zainal Abidin Borhan, (1982), "Masyarakat Bawean (Boyan) Di Melaka", dalam Khoo Kay Kim *Melaka Dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Bangunan Stadthuys.

Zamakhsyari Dhofir (1982), *Tradisi Pesantren Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*. Jakarta: LP3ES.